

# E-BULETIN JKA

*informasi untuk dikongsi*

## BENGKEL BERSAMA PROF MADYA IR. DR. CHE MAZNAH BT MAT ISA



**Isu Menarik**

- Festival Pameran Projek Inovasi [>> m/s 4](#)
- We Care For You [>> m/s 5](#)
- Majlis Penghargaan [>> m/s 7](#)
- Senarai Penuh Pekerja Contoh 2019 [>> m/s 8](#)

Pada tanggal 13-15 November, satu bengkel telah di adakan bagi menilai maklumbalas dokumen kurukulum bersama Prof Madya Ir. Dr. Che Maznah Bt Mat Isa terhadap pemetaan Assessment Specification Table (AST) kepada Dublin Knowledge Profile (DK), Dublin Problem Solving (DP) & Technician Activities (NA) dan rubrik berdasarkan kepada standard ETAC 2019 bagi Program Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) dan Kejuruteraan Awam (DKA).

Program ini melibatkan 12 orang pensyarah program Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, PKS, 37 orang pensyarah Kejuruteraan Awam PKS dan 24 orang pensyarah PMU, satu orang penceramah, 6 orang wakil dari program Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) iaitu dari POLIMAS, PSAS dan PSA.



Program ini adalah berdasarkan keprihatinan penganjur terhadap perkara-perkara seperti meningkatkan kefahaman pensyarah berkenaan assessment mapping (AST) dengan graduate attribute (DK/NA/DP) mengikut kehendak ETAC. Selain itu ia juga, memberikan ruang untuk peserta memahami kesesuaian rubrik dengan soalan yang diberikan kepada pelajar supaya mematuhi DP & NA mengikut keperluan Dublin Accord. Secara tidak langsung pemahaman konsep Constructive Alignment dalam konteks OBE juga diterapkan dan akhirnya konsep Constructive Alignment serta OBE dalam pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran dapat di aplikasikan.

# SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran buletin siri 4/2019 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak.

Tahniah kepada sidang redaksi buletin yang berusaha gigih untuk menghasilkan buletin yang terakhir untuk tahun ini sebagai medium menyalurkan maklumat dan hebahan semasa berkenaan pencapaian dan aktiviti jabatan sepanjang bulan Oktober hingga Disember 2019.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada semua warga JKA yang telah terlibat dalam mencipta pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan dalam beberapa pertandingan yang melibatkan para pensyarah dan pelajar JKA.

Diharap, dengan kejayaan dan pencapaian cemerlang ini, semua warga JKA akan terus mengekalkan momentum pada masa akan datang. Dan, pada mereka yang tidak berjaya diharap ia menjadi motivasi berguna untuk terus maju. Sekali gagal tidak bererti untuk selamanya. Sekian, Wassalam.



Che Zaidi Bin Che Hassan  
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam



Salam Sejahtera, Saya mewakili pihak redaksi mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin jka ini.

Kami bertekad dan berusaha memberikan yang terbaik untuk pembaca sekalian bersesuaian dengan iltizam kami informasi untuk dikongsi.

Sekian, salam poliku sayang daripada kami di pihak redaksi.

**Joshua Ribi,  
Ketua Editor.**

## Kenali Pengurusan Tertinggi JKA



*Ketua Jabatan*  
Che Zaidi Bin Che Hassan



*Setiausaha*  
Nur Athirah Azni



*Ketua Program DKA*  
Ledia Anak Angul



*Ketua Program DPP*  
Redzuan Safri Abd Rahman



*Ketua Program DGU*  
Sumbang Anak Mandaw

## SIDANG REDAKSI

Penasihat : Che Zaidi Che Hassan, Ketua Editor : Jpshua Ribi, Pen. Ketua Editor/ Perekra Grafik : Mohd Nizar Hashim, AJK: Stuart Otto Wilson, Suriati Iberahim, Zawawiv Aziz.



Bengkel kemahiran CIDOS LMS 3.5 telah diadakan bagi membantu para pensyarah membiasakan diri dengan CIDOS yang baru. Bengkel ini menetapkan satu penanda aras yang baru untuk setiap pensyarah berupaya memastikan platform miliknya mencapai status 'blended'.

## Bengkel CIDOS / LMS 3.5

Bermula dengan pengenalan, BLDT/BLFR, profile, capaian **JKA** platform dan memuat naik nota serta item-item penilaian, program ini di harap dapat membantu pensyarah bagi menyiap siapagakan diri pada semester yang akan datang.



Bengkel ini di kelolakan oleh portfolio e-learning JKA yang disampaikan oleh En. Zawawiv, EN Nizar dan Cik Suzana secara 'Hand-on'.

Program di meriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Jabatan dan Ketua-ketua Program di JKA.



Di harap program sebegini di teruskan lagi bagi mencapai KPI jabatan seterusnya KPI politeknik sendiri.

Majlis di sudahi dengan sedikit jamuan minum petang dan penyampaian cenderehati.

oleh : Zawawiv

# FESTIVAL PAMERAN PROJEK INOVASI SESI JUN 2019

Oleh : Pn. Ronina



Pada Oktober 2019 telah berlangsung satu Festival Pameran Projek dan Inovasi Sesi Jun 2019. Festival ini telah diadakan di dewan Jubli Perak, PKS.



idea pemikiran yang lebih meluas dan kreatif.

JKA telah memenangi beberapa anugerah antaranya Johan bagi kategori Bukan Teknikal dan Johan Bagi Kategori Inovasi Teknikal. Kejayaan ini membuktikan JKA sangat komited dalam projek inovasi dan menggalakkan pelajar serta pesyarah untuk memberikan kesegaran

Bagi kategori bukan teknikal (Johan) ialah kumpulan yang membuat inovasi bertajuk *Versatile Spinning Drawing Board* yang terdiri daripada Stepanie Elaysa Anak Rose, Phyntergrow Grevie Sabah Anak Herryson dan Vegatharshini A/P Balamurugan. Kumpulan ini telah diselia oleh Pn. Ronina dan En. Mior Suhairin.



Manakala bagi Inovasi Teknikal (Johan) ialah kumpulan yang membuat tajuk *Modi-Interlocking* yang terdiri daripada Anduk Authry Anak Chendang, Andria Adam anak Wuen dan Aronald Changgan Anak Agustine. Mereka ini juga diselia oleh Pn. Ronina dan En. Mior Suhairin.



# PROGRAM SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK

Pertandingan Bowling ini bermatlamat untuk memberi motivasi dan galakkan kepada pelajar yang kurang menonjol dalam pembelajaran (HPNAM kurang 2.50) bagi memberi semangat untuk belajar serta menaikkan pointer. Disamping itu, ia dapat mendorong pelajar tersebut mewujudkan gaya pembelajaran sihat dalam kehidupan seharian.

Diharapkan agar program ini memberi impak dalam diri pelajar supaya dapat meningkatkan kecergasan diri yang proaktif dan terbilang dalam pembelajaran.

Antara objektif program ini ialah untuk:

- i. Memupuk semangat untuk belajar dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui aktiviti berteraskan kesukanan.
- ii. Meningkatkan kecergasan minda dengan seimbang dari aspek moral, spiritual, emosi jasmani dan mental.
- iii. Memberi peluang berinteraksi dan bersosial bersama pelajar yang berlainan semester.

**WE CARE  
FOR YOU**

Oleh : Pn. Ronina



# NATIONAL STUDENT PROJECT INNOVATION COMPETITION AND EXHIBITION

**(SPICE 2019)**

Oleh : Pn. Ronina



SPICE merupakan akronim kepada “National Student Project Innovation Competition and Exhibition” merupakan satu wadah inovasi dan penyelesaikan masalah dalam industri dan komuniti. Usaha ini merupakan inisiatif Politeknik Ungku Omar untuk memperkukuh penyelidikan dan inovasi bagi merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Ini juga adalah selari dengan kerangka transformasi politeknik agar menjadi politeknik yang inovatif, kreatif dan responsif.

SPICE 2019 peringkat kebangsaan adalah kali kedua diadakan secara terbuka untuk pelajar dan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia bagi membolehkan penyelarasan aktiviti inovasi yang lebih baik serta perkongsian dan pengujian idea dalam mewujudkan nilai baharu. Pertandingan inovasi yang telah berlangsung pada

7 – 8 Oktober 2019 ini diharap menjadi wadah utama inovasi dan penyelesaikan masalah untuk kelestarian kehidupan sejagat.

Hasil daripada aktiviti ini, PKS telah memenangi Award SILVER bagi kategori A Teknologi Kejuruteraan bertajuk HDPE Stool.

Adalah dicadangkan agar aktiviti inovasi seperti ini diteruskan dan ditambah lagi pada setiap semester bagi melatih dan membimbing pelajar agar mencintai budaya mencipta.

# MAJLIS PENGHARGAAN

## JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 2019

Majlis Penghargaan Jabatan Kejuruteraan Awam telah di adakan buat julung kalinya di Dewan Jubli Perak, PKS. Majlis ini berlangsung dalam susasana yang cukup santai dan harmoni.

Tujuan majlis ini di laksanakan adalah untuk menghargai kakitangan JKA yang telah berusaha memberi komitmen yang terbik pada setiap masa.

Turut menyerikan majlis adalah dengan kehadiran Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Che Zaidi Che Hassan, ketua-ketua program dan semua kakitangan akademik dan bukan akademik.

Majlis di mulakan dengan bacaan doa, amanat ketua jabatan dan penyampaian sijil pada semua staf. Selain itu, 12 orang staf telah di pilih untuk di beri penghargaan sebagai pekerja contoh bulanan. Majlis disudahi dengan santapan dan cabutan bertuah sebagai pelengkap agenda. Di harap majlis seperti ini diteruskan lagi demi menghargai kakitangan di JKA.





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

POLITEKNIK  
MALAYSIA  
KUCHING SARAWAK

**ANUGERAH PEKERJA CONTOH**  
**JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**  
**TAHUN 2019**

**JANUARI – MAC**



NURAZURA BT RALI



NUR ATHIRAH BT AZNI



SITI ZUBAIDAH BT JANUDIN

**APRIL – JUN**



NUR SYAMSINAR  
FADHILAH BT MOHD JAYA



RONINA SAINIRA BT  
MOHAMAD SANI



MAZLIN WELLINGTON  
ABDULLAH

**JULAI – SEPTEMBER**



MOHD HAZRY BIN ISMAIL



SHAHRIZAL BIN SHABUDDIN



AZLAN BIN MOHD ALI

**OKTOBER – DISEMBER**



ZAINAP BT HJ LAMAT



PANG SIEW JUEN



CHRISTOPHER SURESH  
MARTIN